

EKONOMI TINGKATAN 4
MODUL AMANJAYA SPM 2018
KERTAS 1

TAJUK : 5.0 EKONOMI DAN KERAJAAN
Standard Kandungan : 5.1 Peranan Kerajaan Dalam Ekonomi

1. Peranan kerajaan dalam ekonomi ialah sebagai

- A pengeluar dan majikan
- B pengguna dan majikan
- C pengguna dan pengeluar
- D majikan dan penguat kuasa undang-undang

2. Berikut merupakan peranan kerajaan dalam sesebuah ekonomi kecuali

- A Sebagai pengeluar barang awam.
- B Sebagai pengeluar barang sosial.
- C Sebagai perancang kewangan
- D Sebagai monopoli semulajadi

3. Rajah di bawah merupakan suatu jenis barang awam.



Mengapakah barang di atas dianggap sebagai barang awam?

- I Tiada kos lepas
- II Penggunaan terhad
- III Tidak dikenakan bayaran
- IV Disediakan oleh kerajaan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

4. Berikut merupakan contoh barang awam

- I Hospital
- II Kereta
- III Jalanraya
- IV Sekolah

- A I, II dan III C II, III dan IV
B I, II dan IV D I, III dan IV

5. Berikut merupakan contoh barang ekonomi kecuali

- I rumah
II kereta.
III lapangan terbang.
IV pondok telefon.

- A I dan II C III dan IV
B I dan IV D II dan IV

6. Gambar di bawah menunjukkan perkhidmatan kerajaan.



Apakah matlamat utama kerajaan menyediakan perkhidmatan tersebut?

- A Menjana hasil kerajaan
B Memonopolikan pasaran
C Menjaga kebajikan masyarakat
D Memperoleh keuntungan jualan

7. Pilih ciri yang berkaitan dengan monopoli semula jadi.

- A Lebih daripada seorang pengeluar
B Berkuasa untuk menentukan harga
C Persaingan bukan harga amat penting
D Kebebasan firma untuk masuk dan keluar pasaran

8. Apakah objektif makroekonomi negara yang ingin dicapai oleh kerajaan?

- I Pertumbuhan ekonomi
II Imbangan pembayaran defisit
III Tingkat harga umum meningkat
IV Kadar pengangguran kurang daripada 4%

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

9. Antara yang berikut, pilih pernyataan yang tepat menggambarkan barang awam yang disediakan oleh kerajaan.

- A Encik Ramli membeli sebuah komputer yang berharga RM2000.00
- B Puan Siti memasuki ke Hospital Serdang kerana dijangkiti penyakit hepatitis
- C Mak Sofiah menggunakan air mineral yang bersih untuk memasak gulai ikan
- D Tandas di Kelab **Super** hanya disediakan untuk ahli-ahlinya yang membayar yuran ahli bulanan

10. Gambar di bawah menunjukkan suatu barang.



Tafsirkan konsep barang di atas.

- A Merupakan barang kehendak
- B Kena bayar untuk penggunaan
- C Hak mutlak oleh pihak kerajaan
- D Memaksimumkan keuntungan bagi pihak kerajaan

11. Mengapakah kerajaan bukan sahaja menyediakan barang awam di bandar malah juga di luar bandar?

- A Kos pengeluaran yang murah
- B Meningkatkan tingkat kebajikan rakyat
- C Meningkatkan pendapatan penduduk di luar bandar
- D Mewujudkan persaingan antara penduduk bandar dengan luar bandar

12. Jika kerajaan menawarkan lebih banyak peluang pekerjaan dalam sektor perkhidmatan, apakah kesan yang akan berlaku dalam ekonomi negara?

- I Kadar pengangguran meningkat
- II Kuasa beli masyarakat meningkat
- III Taraf hidup masyarakat meningkat
- IV Pendapatan masyarakat menurun

- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

13. Antara yang berikut, indikator makroekonomi yang manakah digunakan untuk mengukur pencapaian kegiatan ekonomi sebuah negara?

- A Faedah sosial
B Kos pengeluaran
C Pendapatan negara
D Guna tenaga penuh

14. Antara yang berikut, yang manakah merupakan eksternaliti negatif kesan daripada aktiviti pengeluaran?

- I Ekosistem yang seimbang
II Pertambahan peluang pekerjaan
III Pelepasan asap dari kilang getah
IV Pembuangan sampah oleh kilang kayu

- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

15. Antara yang berikut, yang manakah dikelaskan sebagai barang kawalan oleh kerajaan?

- I Ayam
II Lada hitam
III Mee segera
IV Tepung beras

- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

16. Maklumat di bawah menunjukkan situasi di sebuah negara.

Negara W	
•	Harga barang dan perkhidmatan meningkat secara berterusan
•	Kos pengeluaran barang meningkat

Masalah di atas akan menyebabkan

- A kos sara hidup naik
B pengeluaran firma meningkat

- C kuasa beli pengguna meningkat
- D banyak orang mengalami pengangguran

17. Antara yang berikut, yang manakah kesan imbalan pembayaran defisit?

- A Nilai mata wang tempatan semakin meningkat
- B Kegiatan ekonomi dalam negara semakin pesat
- C Rizab pertukaran asing di bank pusat berkurang
- D Nilai eksport barang tempatan semakin bertambah

18. Antara yang berikut, yang manakah fungsi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA)?

- I Menawarkan peluang pekerjaan
- II Merapatkan jurang pendapatan di perkhidmatan awam
- III Meningkatkan taraf hidup negara
- IV Menambahkan pendapatan negara

- A I dan II C II dan III
- B I dan IV D III dan IV

19. Bilakah sesebuah negara boleh dikatakan mencapai guna tenaga penuh?

- A Imbalan pembayaran yang positif
- B Kadar pengangguran kurang daripada 4%
- C Eksport meningkat sebanyak RM100 juta setahun
- D Kadar pertumbuhan ekonomi negara meningkat sebanyak 3%

20. Mengapakah kerajaan memberi subsidi kepada petani?

- A Untuk menampung kenaikan kos dalam pengeluaran
- B Untuk meningkatkan permintaan beras di pasaran
- C Untuk menguatkuasa undang-undang
- D Untuk memaksimumkan kebajikan masyarakat

21. Pernyataan di bawah menunjukkan suatu dasar kerajaan.

- Dasar yang menetapkan harga yang lebih rendah daripada tingkat harga keseimbangannya

Apakah tujuan pelaksanaan dasar tersebut?

- A Mengawal harga pasaran
- B Meningkatkan penawaran pengeluaran
- C Memaksimumkan pendapatan kerajaan
- D Memastikan semua rakyat mendapat barang keperluan

22. Bagaimanakah pelaksanaan cukai oleh kerajaan dapat mengawal selia pengeluaran?

- A Mengurangkan modal pengeluaran
- B Mengawal harga barang yang dijual
- C Mengawal kadar pencemaran dalam pengeluaran
- D Mengawal kualiti barang yang dikeluarkan

23. Mengapakah pihak swasta kurang memainkan peranan dalam menyediakan barang awam dan barang sosial?

- A Melibatkan banyak orang pekerja
- B Mengurangkan permintaan barang di pasaran
- C Melibatkan kos penyediaan yang tinggi
- D Dikenakan cukai pendapatan syarikat yang tinggi

24. Rajah di bawah merupakan barang awam.



Mengapakah barang di atas dianggap sebagai barang awam?

- A Tidak dikenakan bayaran
- B Bilangannya tidak terhad
- C Memudahkan urusan perjalanan orang ramai
- D Disediakan khusus untuk pengguna bas awam

25. Pernyataan di bawah berkaitan dengan suatu peranan kerajaan di Malaysia.

Kerajaan Malaysia merupakan majikan terbesar di Malaysia dengan menyediakan peluang pekerjaan untuk hampir 1.7 juta rakyat Malaysia.

Kesan daripada peranan kerajaan di Malaysia adalah untuk

- A mengurangkan kadar pengangguran
- B meningkatkan kuasa beli masyarakat
- C menggalakkan pertumbuhan ekonomi
- D mengurangkan beban kewangan sektor swasta

26. Malaysia telah mencatat guna tenaga penuh sejak tahun 2000. Kesan daripada situasi tersebut ialah

- A penurunan kadar inflasi
- B peningkatan pendapatan negara
- C penurunan kadar pertumbuhan ekonomi
- D peningkatan kadar pertumbuhan penduduk

27. Pernyataan di bawah berkaitan dengan objektif kerajaan.

- Kerajaan perlu memastikan kadar inflasi dalam negara terkawal

Apakah objektif makroekonomi berkaitan dengan pernyataan di atas?

- A Kestabilan harga
- B Guna tenaga penuh
- C Pertumbuhan ekonomi
- D Kestabilan imbalan pembayaran

28. Antara yang berikut, yang manakah merupakan kesan buruk daripada pertumbuhan ekonomi?

- A Kejatuhan hasil kerajaan
- B Kejatuhan taraf hidup rakyat
- C Pengurangan sumber ekonomi
- D Peningkatan kadar pengangguran

29. Antara yang berikut, yang manakah merupakan eksternaliti negative ?

- A Pencemaran alam sekitar
- B Kekurangan barang awam
- C Ketidakstabilan harga bahan mentah
- D Jurang perbezaan pendapatan antara golongan kaya dengan miskin semakin besar

30. Antara yang berikut, yang manakah merupakan barang kawalan?

- I Milo
- II Roti berkrum

- III Tepung gandum
IV Ayam

- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

31. Antara yang berikut, yang manakah adalah benar tentang dasar harga maksimum?

- A Mewujudkan lebih penawaran dalam pasaran
B Bertujuan mengurangkan penindasan terhadap petani
C Memastikan penggunaan sumber ekonomi dengan cekap
D Penetapan harga lebih rendah daripada harga keseimbangan

32. Kuota digunakan untuk mengawal harga barang di pasaran dengan

- A menetapkan kuantiti penawaran pada had tertentu
B menetapkan kuantiti permintaan pada had tertentu
C menetapkan harga keseimbangan pada had tertentu
D menetapkan campur tangan kerajaan dalam pasaran pada had tertentu

33. Pemberian subsidi kepada pengeluar minyak masak menyebabkan

- A harga kelapa sawit menurun
B penawaran minyak masak menurun
C permintaan minyak masak menurun
D kos pengeluaran minyak masak menurun

Soalan 34 hingga Soalan 39 berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual berikut.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

34. I Jalan raya ialah barang awam.
II Barang awam dikenakan bayaran berdasarkan saiz pendapatan pengguna.
35. I Penubuhan monopoli semula jadi melibatkan modal yang tinggi.
II Semua monopoli semula jadi dimiliki oleh kerajaan.
36. I Guna tenaga merujuk jumlah tenaga buruh yang digunakan untuk menghasilkan barang dan perkhidmatan dalam sesebuah negara.

- II Tenaga buruh yang berkemahiran meningkatkan kadar pertumbuhan ekonomi.
37. I Deflasi menyebabkan kadar pengangguran menurun.
II Inflasi menyebabkan kuasa beli pengguna meningkat.
38. I Gula merupakan barang kawalan.
II Keuntungan pengeluaran gula ditentukan oleh kerajaan.
39. I Kesan eksternaliti negatif boleh dikawal melalui cukai.
II Pemberian subsidi akan meningkatkan kesan eksternaliti negatif.
40. I Peranan kerajaan ialah merancang kewangan.
II Salah satu daripada peranan kerajaan ialah sebagai majikan kakitangan awam.